

# KETUHANAN DAN MANUSIA DALAM PEMBENTUKAN PERADABAN MANUSIA MENURU PERSPEKTIF ISLAM

Fadilah bt. Zaini

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

m-fadilah@utm.my

## *Abstrak*

Hubungan antara Tuhan dengan manusia dan hubungan antara manusia dengan manusia amat penting dalam kehidupan setiap hamba Allah s.w.t. Allah telah menetapkan takdir ke atas semua hamba-hambanya dan takdir yang ditetapkan ini tidak boleh diubah-ubah. Takdir pula mempunyai pelbagai aliran dan konsep yang berbeza. Konsep takdir yang berbeza-beza ini mempunyai pendirian yang tersendiri dalam menilai dan mengatur kehidupan harian. Konsep-konsep ini bertepatan dengan syariah dan ada pula yang bertentangan dengan hukum. Oleh itu, historiografi Islam memainkan peranan penting dalam membantu manusia memahami konsep takdir untuk menentukan bentuk kehidupan manusia dan turut memahami peranan manusia juga dalam membentuk kehidupannya sendiri. Justeru, perkaitan hubungan antara manusia dan Allah s.w.t. itu amat jelas dalam menentukan halatuju kehidupan yang harmoni yang sentiasa berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah agar konsep usaha, doa dan tawakal sentiasa menjadi landasan dalam mengatur kehidupan seseorang insan yang bergelar mukmin.

## PENDAHULUAN

Bagi memahami persoalan peranan Tuhan dan manusia, maka kita perlu memahami siapa manusia di sisi Allah s.w.t. Hakikatnya, Allah s.w.t. yang mencipta, maka Dialah yang mengetahui asal kejadian, kelemahan-kelemahan dan kesempurnaan, tugas dan risalah, kedudukan dan jawatan, matlamat dan kewujudan dan falsafah hidupnya, juga mengetahui tentang kepastian mengenai kehidupan yang abadi.

Allah s.w.t. yang mencipta manusia itulah yang mengetahui hakikat kejadian diri manusia, seperti mana firman Allah s.w.t. yang bermaksud “Tidakkah Allah s.w.t. yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui segala-galanya? Sedang ia amat luas urusan tadbirNya, lagi amat mendalam pengetahuanNya! Maha Mengetahui dengan segala ciptaan” (Surah al-Mulk: ayat 14).

Allah s.w.t. telah menerangkan secara terperinci mengenai proses kejadian manusia iaitu manusia yang pertama (Nabi Adam a.s.) dan zuriat keturunannya yang harus difahami sebagai unsur jasmani. Seperti mana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Anbiya’ ayat 30, surah al-Saffat ayat 11, surah al-Rahman ayat 14, surah al-Hijr ayat 29, surah Furqan ayat 54, dan surah al-Najm ayat 32. Ayat-ayat ini adalah bukti penerangan Allah s.w.t. terhadap keadian manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s.

Allah s.w.t. juga berfirman di dalam al-Quran untuk menerangkan tentang kejadian zuriat keturunan Nabi Adam a.s. seperti dalam surah al-Najm ayat 32, surah al-Sajdah ayat 9, surah al-Mukminun ayat 9 dan surah az-Zumar ayat 6. Jelas bahawa unsur jasmani manusia dicipta dari tanah di bumi, maka tuntutan serta keperluan hidup manusia yang bersifat jasmani adalah juga dari tanah seperti makanan dan minuman, pakaian dan perhiasan serta kediaman dan keamanan.

Maka, Allah s.w.t. telah mendatangkan Islam kepada manusia bagi memelihara manusia agar kekal dalam tahap keinsanan serta menetapi kedudukannya seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan Allah s.w.t. Unsur jasmani yang telah ditetapkan dalam Islam adalah sebagai jalan kepada unsur rohani iaitu ia sebagai alat untuk mencapai matlamat kerohanian. Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud “Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiaannya, serta Aku tiupkan padanya ruh dari (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya” (Surah al-Hijr ayat 29).

Jelas bahawa Allah s.w.t. telah menciptakan manusia daripada dua unsur iaitu jasmani yang berpunca dari tanah dan kedua dari unsur rohani yang berpunca dari urusan ketuhanan iaitu di sisi Allah s.w.t. Maka cantuman kedua-dua unsur ini telah melahirkan insan dengan kekuasaan Allah s.w.t. yang Maha Berkuasa.<sup>1</sup>

## **TUHAN DAN MANUSIA DALAM PEMBENTUKAN SEJARAH ZAMAN SILAM**

Berdasarkan kedudukan manusia di sisi Allah s.w.t. yang telah dibincangkan, maka kita akan melihat pula mengenai Tuhan dan manusia sama-sama berperanan di dalam membentuk banyak kisah mengenai umat-umat terdahulu. Allah s.w.t. telah menerangkan mengenai kemunculan Kerajaan Saba' dan kemudian berlaku pula keruntuhan kerajaan tersebut akibat kemasuhan empangan Ma'arib. Masyarakat ini yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. rahmat dan rezeki yang melimpah ruah telah hancur akibat pembalasan Allah s.w.t. kerana mereka ingkar dan kufur.

Sepertimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud, “Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah s.w.t.) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kariah mereka) (lalu dikatakan kepada mereka): “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukur kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun”. Maka mereka berpaling ingkar, lalu kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara” (Surah Saba' ayat 15-16).

Keruntuhan empangan Ma'arib telah menandakan keruntuhan masyarakat Arab. Zaman ini dipanggil sebagai Zaman Jahiliyah yang berlaku pada permulaan abad ke-4 Masihi.<sup>2</sup> Persoalannya, apakah peristiwa yang berlaku dalam sejarah manusia hanya disebabkan oleh ketentuan Tuhan sahaja atau manusia sahaja atau Tuhan dan manusia sekaligus? Permasalahan ini harus dikaji dengan sebaik mungkin terutama oleh para sejarawan Islam. Malah, kajian mereka mesti berdasarkan konsep takdir kerana konsep ini sebenarnya berperanan penting dalam pengkajian disiplin sejarah dan agama.

## **PERANAN TAKDIR TUHAN DALAM PERADABAN MANUSIA**

Konsep takdir juga berkaitan secara langsung bagi menentukan pandangan hidup manusia di dunia untuk mengatur sejarah peradaban, ilmu pengetahuan, kepercayaan dan sebagainya. Takdir merupakan satu konsep yang diterima oleh semua agama dan

kepercayaan di dunia ini berlandaskan cara pentafsiran yang berbeza-beza.<sup>3</sup> Bagi ahli sejarah Yunani, mereka beranggapan bahawa perkara yang berlaku di muka bumi ini adalah secara semulajadi. Hal ini berlaku kerana mereka beranggapan bahawa alam ini berputar seperti roda. Malah, mereka mempercayai takdir berlaku tanpa disangka-sangka iaitu secara tiba-tiba. Mereka juga beranggapan takdir berlaku kerana adanya campur tangan dewa atau Tuhan yang mempunyai sikap cemburu. Namun, tujuan dewa-dewa mereka cemburu adalah untuk mengelakkan orang yang berjaya menjadi sombong dan takbur.<sup>4</sup>

Masyarakat Arab Jahiliyah pula mempercayai bahawa mereka telah ditakdirkan menganut agama menyembah berhala yang dilakukan oleh nenek moyang mereka secara turun temurun. Oleh itu, jika mereka mengingkarinya dan menganut agama Islam, maka mereka telah menyalahi takdir.<sup>5</sup>

Manakala, dalam agama Islam percaya kepada takdir merupakan Rukun Iman keenam. Ia juga disebut Qada' dan Qadar yang boleh dertiakan sebagai ketentuan Tuhan. Sepertimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud, "Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahannya, dan DiaLah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna" (Surah al-Furqan ayat 2).

Justeru, kepercayaan kepada takdir Allah s.w.t. adalah untuk menyatakan bahawa segala sesuatu yang terjadi di alam ini termasuk juga yang terjadi pada diri manusia, baik dan buruk, suka dan duka, dan segala gerak geri hidup, semuanya tidak terlepas dari takdir atau ketentuan Ilahi. Ternyata bahawa alam dan masyarakat manusia dikuasai oleh suatu hukum yang pasti dan tetap.

Di dalam al-Quran terkandung ayat-ayat yang secara lahirnya difahami dengan pemahaman yang saling berlawanan. Pada satu pihak, ayat-ayat itu menunjukkan bahawa segala sesuatu dikuasai oleh takdir. Manakala, di pihak yang satu lagi pula, ayat-ayat yang sama memberikan kesan bahawa sesuatu yang berlaku itu ditentukan oleh manusia itu sendiri.

## KEMUNCULAN ALIRAN MEMBAHASAKAN KONSEP TAKDIR

Perkara ini telah menimbulkan aliran yang berbeza mengenai konsep takdir. Pertama adalah aliran Jabariyah yang berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai sebarang kekuasaan kerana segala-gala tentang dirinya ditentukan secara mutlak oleh takdir Tuhan. Ini bermakna amal dan ikhtiar manusia tidak mempunyai peranannya sama sekali. Sebagai contoh, orang yang menjadi jahat adalah kerana ditakdirkan jahat oleh Tuhan bukan kerana tingkah lakunya. Begitu juga dengan dengan kaya, miskin, mulia, pandai, bodoh dan sebagainya. Semua ini semata-mata ketentuan Tuhan. Oleh itu, manusia tidak mempunyai pergerakan sendiri. Mereka berlandaskan firman Allah s.w.t. dalam surah az-Zumar ayat 62 yang bermaksud, "Tuhan itu pencipta segala sesuatu...".<sup>6</sup>

Kemunculan aliran Jabariyah ini telah membawa kemunculan aliran Qadariyah. Fahaman aliran Qadariyah ini adalah terbalik dari fahaman aliran Jabariyah. Menurut aliran ini, nasib manusia sepenuhnya adalah di tangan manusia sendiri dan bukannya kerana takdir. Oleh itu, buruk atau baik nasib manusia tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Tuhan. Justeru sesiapa yang mahu pandai, maka dia harus belajar dan bagi sesiapa yang mahu menjadi baik, maka dia harus menguruskan nafsunya. Aliran ini telah menolak adanya takdir Tuhan dalam

hubungannya dengan perbuatan manusia. Aliran ini berlandaskan firman Allah s.w.t. yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri" (surah Ar-Ra'd ayat 11).

Aliran yang seterusnya muncul akibat perbahasan konsep takdir adalah aliran Mu'tazilah yang lebih mirip kepada aliran Qadariyah berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud, "Tuhan tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar kemampuannya". Malah golongan Mu'tazilah ini dianggap *freethinker* atau *rationalist* kerana mereka terlalu banyak menggunakan akal fikiran, termasuk juga dalam hal-hal yang bersangkutan dengan agama dan Hadith.

Berikutnya dengan kemunculan golongan Mu'tazilah, telah terbit pula fahaman Asy'ariyah yang mirip kepada pandangan aliran Jabariyah. Fahaman ini kebanyakannya mengetepikan peranan akal dan pancaindera seterusnya mendewakan roh, dhaaq atau intuisi manusia bagi mencapai matlamat menuju kepada Tuhan. Aliran ini berpandangan bahawa unsur kemewahan dan kebendaan telah menjadi musuh roh untuk menuju Tuhan dan ia mesti dihapuskan. Malah, konsep ini telah mengakibatkan tamadun Islam menjadi lemah dan pemikiran menjadi mundur.<sup>7</sup>

## PANDANGAN IBN RUSYD TERHADAP KONSEP TAKDIR

Persoalan penting mengenai konsep takdir ini akhirnya telah dijawab oleh seorang ahli falsafah dan sains tabi'i Islam iaitu Ibn Rusyd. Beliau telah menjawab segala permasalahan mengenai hubungan falsafah dengan agama dan menangani segala kesalahan yang berlaku berikutan konsep takdir. Ibn Rusyd menerangkan takdir harus diertikan bahawa secara keseluruhan Tuhan menetapkan sesuatu, sedang di dalam perbuatan yang dilakukan oleh manusia satu demi satu adalah dengan ikhtiar manusia itu sendiri.

Oleh itu, bagi menerangkan permasalahan yang timbul akibat berbagai-bagai kejadian manusia, Ibn Rusyd telah memperincikan dua teori iaitu teori ciptaan dan teori pemeliharaan. Teori ciptaan diterangkan sebagai makhluk yang dijadikan oleh Allah s.w.t. ini telah memiliki hukum dan peraturannya yang tersendiri serta juga lengkap dengan fungsinya. Malah hukum, peraturan dan fungsi yang telah sedia dicipta oleh Allah s.w.t. itu sama sekali tidak boleh diubah kerana Allah s.w.t. sentiasa memelihara ('inayah) dan mengawasnya (ri'ayah). Manusia perlu memahami bahawa jika Allah s.w.t. tidak memelihara dan mengawasi ciptaanNya ini maka akan berlaku kacau bilau ke atas muka bumi ini. Seperti mana firman Allah s.w.t. dalam surah al-An'aam ayat 1 yang bermaksud, "Segala puji tertentu bagi Allah s.w.t. yang menciptakan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang,...". Allah s.w.t. berfirman lagi yang bermaksud, "Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya. Dan kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup, juga Kami jadikan makhluk-makhluk yang kamu bukanlah orang yang sebenar menyediakan rezekinya. Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kami sahaja pertimbangannya, dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu" (surah al-Hijr ayat 19-21). Seterusnya, Allah s.w.t. berfirman di yang bermaksud, "Diturunkan al-Quran ini dengan tidak ada sebarang syak padanya, dari Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam" (surah As-sajdah ayat 2).

Hakikatnya, Allah s.w.t. berhak serta maha berkuasa serta Dia tentunya boleh melaksanakan apa juga yang diperlukan sepetimana Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud "jadi, maka jadilah ia" (surah Yasin ayat 82). Namun, umat manusia perlu mengetahui bahawa Allah s.w.t. itu maha adil dan maha saksama sepetimana firman Allah s.w.t. dalam surah Hud ayat 117 yang bermaksud, "Tuhanmu tidak sekali-kali akan membinasakan negeri-negeri dengan zalimnya, jika penduduknya membuat kebaikan".

Theori pemeliharaan Tuhan pula memberi pengertian bahawa Tuhan menjaga hukum dan peraturan terhadap kejadian alam yang diciptaNya. Malah telah terbukti bahawa segala hukum dan peraturan alam ini amat bersesuaian dengan kehidupan manusia. Allah s.w.t. menunjukkan segala hukum dan peraturan alam tersebut telah diatur secara rapi oleh Tuhan. Sepetimana Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud, "Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya,..." (surah Maryam ayat 65).<sup>8</sup>

Hakikatnya, kemunculan idea Ibn Rusyd telah membantu menyelesaikan kebuntuan dalam masalah berlainan fahaman di kalangan umat Islam dalam bidang falsafah ketuhanan. Malah, sumbangan ini telah membantu para sejarawan untuk melihat peristiwa sejarah, serta menganalisis aspek ketuhanan dan peranan manusia dalam perkembangan sejarah seterusnya.

## **PEMBINAAN TEORI HISTORIOGRAFI ISLAM DALAM USAHA PEMBENTUKAN PERADABAN MANUSIA**

Jelas kelihatan bahawa, konsep takdir menjadi begitu penting apabila kita cuba memahami peranan Tuhan dan manusia dalam perkembangan sejarah. Perlu difahami bahawa perkembangan historiografi Islam sejak zaman tradisional yang dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Urwah dan al-Zuhri kemudian diperteguhkan oleh al-Iji, al-Kafiyaji dan al-Sakhawi mempertahankan bahawa perlakuan sejarah harus ditentukan berdasarkan ilmu agama seperti ilmu Hadith dan Fiqah.

Kemunculan tokoh-tokoh seperti al-Mas'udi dan Ibn Khaldun telah membawa ilmu bantu yang lain dalam kajian historiografi seperti ilmu sosial, geografi, antropologi, sains politik dan sebagainya. Oleh itu, pertembungan di antara dua teori ini menghasilkan perbahasan yang hangat di mana persoalan timbul apabila wujud beberapa kelemahan dalam teori-teori tersebut.

Justeru, dalam alaf baru ini satu teori baru yang dikira 'bersepadu' yang boleh menggabungkan hak milik teori historiografi Islam antara teori zaman tradisional dengan teori zaman moden yang dipelopori oleh Ibn Khaldun perlu dibangunkan bagi menerbitkan satu wadah dalam era historiografi Islam serta dapat pula menjawab segala kemosyikilan dan keraguan di dalam menerangkan peranan Tuhan dan manusia dalam membentuk perjalanan sejarah dan peradaban manusia. Maka, teori bersepadu yang diperkenalkan ini akan dapat menjadi pemangkin kepada historiografi dunia yang banyak berhadapan dengan berbagai-bagai teori historiografi Barat yang sekular yang sudah tentu tidak bertunjangkan akidah yang benar.

Pengkajian historiografi Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh historiografi tradisional dapat kita fahami melalui rajah 1 yang boleh difahami sebagai Allah s.w.t. telah mencipta manusia, alam nyata, alam ghaib dan agama. Teori ini telah merangkumkan sejarah dan agama menjadi satu. Oleh itu, tokoh-tokoh historiografi tradisional memberi penekanan untuk melihat sejarah sebagai sebahagian daripada ilmu agama. Mereka telah mengaplikasikan ilmu Hadith dan Fiqah ke dalam

penulisan sejarah. Pelaksanaan teori ini amat berkesan pada zaman Urwah dan al-Zuhri kerana pada waktu itu umat Islam hampir dengan pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. dan zaman Khulafa' al-Rasyidin. Maka, sejarah pada waktu itu adalah ilmu untuk mengkaji perkara-perkara yang kebanyakannya memberikan nilai yang luhur dan baik seperti sirah Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat.

Seterusnya, tokoh-tokoh berikutnya seperti al-Iji, al-Kafiyaji dan al-Sakhawi pula ingin mengekalkan keutuhan ilmu agama dalam pengkajian sejarah dengan menjadikan ilmu Hadith, fiqah dan falsafah sebagai landasan untuk mencerna sejarah umat manusia yang semakin berkembang. Pegangan yang kukuh terhadap sumber utama iaitu al-Quran dan Hadith hakikatnya harus diteruskan dan dijadikan contoh oleh para sejarawan lain bagi memastikan historiografi Islam tidak terpesong dari matlamat asal iaitu untuk memberi pengajaran kepada orang-orang yang beriman.

Hasil perkembangan dunia yang semakin mencabar dan apabila kerajaan Islam semakin luas serta menerima cabaran daripada segenap pelusuk negara melalui kegiatan orientalis, maka teori sejarah Islam juga telah cuba untuk disesuaikan mengikut perkembangan zaman tersebut. Maka, telah muncul seorang tokoh iaitu Ibn Khaldun yang kelihatannya cuba memberi kefahaman bahawa Allah S.W.T sememangnya mencipta alam nyata, alam ghaib dan manusia seperti dalam rajah 2. Seterusnya, mengurniakan manusia dengan agama sebagai pedoman hidup. Namun, tokoh ini cuba untuk memisahkan antara agama dan sejarah sebagai satu disiplin yang berasingan. Bagi tokoh ini, pemisahan harus dilihat sebagai satu realiti.

Hukum agama telah ditentukan oleh Allah s.w.t., namun sejarah adalah berkaitan dengan tindak tanduk manusia. Manusia pula akan berhubung dengan alam sekeliling dari ia dilahirkan sehingga ia menemui ajalnya iaitu mati. Allah s.w.t. yang menentukan segala hukum alam. Namun tidak semua pula hukum itu ditulis dalam al-Quran yang sebenarnya bermatlamat supaya manusia berfikir dan mengkaji agar terbitnya ilmu pengetahuan. Oleh itu, sejarah dikatakan sebagai ilmu yang harus dikaji mengikut perkembangan manusia dan masyarakat.

Pemisahan yang dilakukan oleh Ibn Khaldun ini terhadap agama dan sejarah nampaknya amat menyenangkan para sarjana Barat yang kelihatan begitu memuji-muji Ibn Khaldun. Namun, harus kita ingat bahawa pemerhatian Ibn Khaldun terhadap sejarah tetap berlandaskan al Quran, cuma beliau ingin mencari sesuatu kelainan untuk memberi kefahaman yang lebih kepada umat Islam mengenai ilmu sains sosial yang juga harus diberi perhatian yang khusus seperti ilmu sains politik yang boleh mengajar manusia tatacara bernegara, ilmu sosiologi yang digunakan untuk mengkaji tentang aspek kemasyarakatan yang berbagai-bagai bentuk merangkumi pelbagai ras, etnik, kebudayaan dan sebagainya.

Namun, matlamat akhirnya tetap agama iaitu 'ad-din' itu sebagai '*way of life*' bukan hanya dalam bidang ibadat sahaja tetapi juga berkaitan dengan cara hidup keseluruhan iaitu merangkumi sistem berpolitik dan berekonomi. Begitu juga dengan tokoh sejarah Islam iaitu al Mas'udi yang banyak mengaplikasikan ilmu geografi ke dalam pengkajian sejarahnya bagi melihat bentuk muka bumi serta kaitannya dengan pembentukan masyarakat di sebuah kawasan. Jelas bahawa, teori Ibn Khaldun ini cuba melihat secara mendalam tentang ilmu sosial dan kemasyarakatan yang juga amat penting untuk difahami kerana perkembangan masyarakat yang semakin maju telah melahirkan pelbagai bentuk masyarakat yang bukan hanya baik dan luhur seperti pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat tetapi masyarakat yang diselubungi oleh pelbagai bentuk kehidupan sama ada yang baik mahupun yang buruk. Oleh itu, pengaplikasian ilmu sosial seperti ilmu psikologi misalnya amat perlu untuk mendalami keperluan masyarakat dan perubahan tabiat mereka.

Setelah diteliti bahawa sedikit sebanyak kelemahan yang timbul dan perbahasan yang berlanjutan mengenai teori sejarah yang harus dititik beratkan iaitu teori yang memberi penekanan kepada ilmu agama harus dipilih atau teori yang memilih ilmu sosial harus diberi keutamaan, maka kita perlu mengambil jalan tengah dengan mengemukakan teori bersepada yang menggabungkan kedua-dua teori ini. Penggabungan antara kedua-dua teori ini seperti dalam rajah 3.

Hakikatnya, Tuhan telah mencipta alam ghaib, alam nyata, manusia dan agama. Menurut teori ini sejarah dan agama berpisah kerana kesucian tuhan dan bersatu semula kerana keperluan. Teori ini dapat memberikan kefahaman yang jitu bahawa Allah s.w.t menciptakan sekalian makhluk di muka bumi ini dan mentadbirnya mengikut hukum yang telah ditentukan dan sentiasa mengawasinya agar tidak berlaku pertembungan dan pergeseran yang boleh memberi kemudharatan kepada makhluknya. Hukum alam ini harus turut juga didukung oleh umat manusia yang bertindak sebagai khalifah di muka bumi yang bertugas untuk mengimarahkan dan memakmurkannya berlandaskan hukum Allah s.w.t.

Namun, jika manusia mengingkari hukum tuhan, maka manusia akan mendapat balasan dan balasan itu pula tidak semestinya menimpah orang berbuat dosa sahaja tetapi kena kepada seluruh umat yang berada di tempat tersebut. Hukuman yang Allah s.w.t timpakan adalah bertepatan dengan sikap tamak dan rakus manusia ketika menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi.

Manusia boleh memahami tentang alam nyata melalui ilmu yang dikurniakan oleh Allah s.w.t dan keterangan-keterangan yang terkandung di dalam al-Quran. Oleh itu Allah s.w.t sentiasa menyera hambaNya supaya mengkaji dan mempelajari untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Manusia diberikan hidayah melalui perantaraan para Rasul, namun kewujudan alam yang satu lagi iaitu alam ghaib yang mengandungi janji syurga, malaikat, dosa, pahala dan hari pembalasan semuanya ketentuan Allah s.w.t dan hanya diterangkan serba ringkas di dalam al-Quran. Manusia tidak dituntut untuk mengetahuinya secara mendalam kerana ia adalah urusan Allah s.w.t.

Justeru teori bersepada ini melihat sejarah itu di dalam lingkungan ilmu yang dikurnia oleh Allah s.w.t kepada manusia kerana ia berkaitan dengan manusia, namun Allah s.w.t juga memiliki peranan untuk menentukan segala sesuatu yang diluar bidang kuasa manusia. Manusia berhak berikhtiar dan berusaha untuk memperolehi segala yang dihajati dan selebihnya diserahkan kepada Allah s.w.t Yang Maha Berkuasa kerana diri manusia dan alam keseluruhannya adalah milik Allah s.w.t dan akan kembali juga kepadanya. Teori bersepada ini akan dapat memberikan penyelesaian kepada konflik yang sering melanda umat Islam untuk menentukan perjalanan sejarah itu milik siapa dan bagaimana ketentuannya. Penentuan yang selaras dengan tuntutan rohani dan jasmani manusia akan menjadikan manusia lebih redha dalam menjalani kehidupan sebagai makhluk Allah s.w.t di muka bumi.

## KESIMPULAN

Historiografi Islam berjaya menyingkap seluruh dimensi kehidupan yang menjadi sandaran untuk mencapai kemajuan hidup sama ada di dunia maupun di akhirat. Malah, perlu diingatkan bahawa disiplin agama juga berjaya menerapkan matlamat dan objek historiografi supaya sejarah itu adalah berlandaskan peristiwa-peritiwa yang menarik yang boleh mendatangkan kebaikan, keinginan, peringatan, kecergasan yang boleh menjadi nasihat, iktibar, kesedaran dengan syarat peristiwa itu

disampaikan mengikut cara yang jelas serta memastikan kebuktian agama iaitu al-Quran dan Hadith tidak diketepikan.

Sejarah Islam telah terbukti mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan sejarah dunia kerana Islam mampu memberikan satu garis panduan dan menjadi faktor atau unsur yang dapat mempercepatkan atau menyegerakan berlakunya perkembangan historiografi. Historiografi Islam telah terbukti unggul melalui kelahiran tokoh-tokoh yang berwibawa seperti Urwah, al-Zuhri, Ibn Khaldun, al-Mas'udi, al-Iji, al-Kafiyaji dan al-Sakhawi. Jelas bahawa ilmu yang terkandung dalam ajaran Islam mampu memberi peluang kepada umat Islam mendalamai setiap disiplin lain yang boleh dikembangkan selagi ia tidak bertentangan dengan akidah Islam iaitu Tuhan Yang Maha Esa hanya Allah s.w.t. Yang Maha Berkuasa.

Oleh itu, historiografi Islam merupakan bidang ilmu yang mampu menggantikan historiografi Barat yang sekular dan tidak berpijak di bumi yang nyata serta menolak secara mutlak kehadiran kuasa Tuhan di dalam peristiwa sejarah. Manusia, menerusi historiografi Islam akan lebih memahami tentang tanggungjawab mereka terhadap Tuhan, alam dan sesama manusia untuk mencerna kehidupan yang lebih berjaya serta rahmat Allah s.w.t.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Abidin Ahmad. 1975. *Riwayat Hidup Ibn Rusyd*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Bertens, K. 1979. *Sejarah Filsafat Yunani*. Jogjakarta: Penerbitan Yayasan Kanisius.


Hamdan Hassan (ed.). 1980. *Falsafah Takdir oleh Za'ba*. Kuantan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Humaidi TatapAngarsa. 1979. *Kuliah Akidah Lengkap*. Surabaya: Penerbit PT Bina Ilmu.


Mahayudin Yahya. 1998. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sulaiman Yasin, Hasan Salleh dan Sidi Ghazalba. 1985. *Manusia dan Islam*. Pulau Pinang: Dorong USD Sdn. Bhd.

Rajah 1 : Teori Sejarah Tradisional



Rajah 2: Teori Ibn Khaldun



Rajah 3: Teori Sejarah Bersepadu

